

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date      | 29/4/2014     |

2 NASIONAL

© SELASA 29 APRIL 2014

BH



Najib turut sama ketika Obama berucap pada majlis menandatangani perjanjian perdagangan antara tiga syarikat Malaysia dengan firma Amerika Syarikat di Hotel Ritz Carlton, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO BERNAMA]

# MoU perdagangan, pelaburan RM6.53b

BH-29/4/2014

» Malaysia, AS wujudkan hubungan erat dua negara

▀ Kuala Lumpur

**M**alaysia dan Amerika Syarikat (AS), semalam meneruskan kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan memabatkan perjanjian firma kedua-dua negara dalam sektor penerbangan, bioteknologi dan insurans bernilai RM6.53 bilion (US\$2 bilion).

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) firma tempatan, Sime Darby Bhd, AmBank Group dan AirAsia X dengan firma AS itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Presiden Barack Obama, pada hari terakhir lawatan bersejarah pemimpin AS itu.

Firma AS ialah GE Aviation, MetLife International Holdings Inc dan Verdezyne Inc.

Obama dalam ucapannya, berkata hubungan erat dalam

perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan AS akan mewujudkan peluang pekerjaan dan ekonomi di kedua-dua negara.

## Kembangkan ekonomi

“Semalam, kita bersetuju bagi perkongsian komprehensif baharu antara Malaysia dan AS dan berusaha untuk mengembangkan ekonomi kita. AS sudah menjadi pelabur asing terbesar di Malaysia dan Malaysia adalah pelabur yang paling pesat berkembang di AS,” katanya

Mengenai masa depan kedua-dua negara, beliau berkata ia boleh mengharapakan pertumbuhan dan kemakmu-

“**Hubungan erat dalam perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan AS akan mewujudkan peluang pekerjaan dan ekonomi di kedua-dua negara**”

**Barack Obama,**  
Presiden Amerika Syarikat

ran yang lebih baik lagi.

“Ini memerlukan komitmen dan peningkatan usaha, lebih bersaing, melabur lebih bukan sahaja di negara lain tetapi di seluruh rantau ini. Kita perlu melakukan lebih lagi untuk menggalakkan lebih banyak perdagangan dan ini termasuk mengurangkan beberapa halangan sedia ada bagi perdagangan dan pelaburan, menyokong perkongsian, eksport dan pekerjaan,” katanya.

MOU antara AirAsia X dan GE ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group, Tan Sri Tony Fernandes dan Ketua Pegawai Eksekutif GE Global Growth & Operations, John G. Rice. MoU antara Sime Darby dan Verdezyne ditandatangani oleh Presiden Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh dan rakan sejawatnya, Bill Radany.

MoU antara AmBank dan MetLife pula ditandatangani oleh Pengerusi AmBank Group dan AmLife Insurance Bhd, Tan Sri Azman Hashim dengan Presiden Asia MetLife, Christopher G. Townsend.

BERNAMA